

Teori graviti yang dicipta oleh Newton paling tepat dan dipakai hingga ke hari ini.

Beliau pencipta kapal angkasa yang berjaya membawa angkasawan ke bulan.

Banglo di atas bukit itu yang paling besar di kawasan taman itu.

Razman murid yang paling handal dalam acara sukan lompat jauh.

Surat layang yang dihantar kepadanya itu daripada pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sofa yang diperbuat daripada kayu jati itu hadiah daripada bapa saudaranya.

Keputusan daripada pihak pengadil muktamad dan tidak perlu dipertikaikan lagi.

Nasihat yang guru beri untuk kebaikan diri kita.

Sawah di hujung kampung itu peninggalan ayahnya.